

Penubuhan HCVF *Shorea bentongensis* di Hutan Simpan Kekal Lentang, Bentong

Shorea bentongensis atau dikenali dengan nama tempatan sebagai Meranti Mengkai adalah merupakan spesies meranti yang direkodkan sebagai spesies endemic di daerah Bentong, Temerloh dan Rompin, Pahang. Spesies ini tumbuh pada kawasan tanah rendah landai atau lembah dalam pada kawasan tanah tinggi dan tidak tersebar secara menyeluruh. Akan tetapi, mengikut kajian yang telah dijalankan, taburan spesies ini terdapat banyak di Hutan Simpan Lentang, Bentong berbanding kawasan lain.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan spesies ini tidak mengalami kepupusan, maka taburan spesies *Shorea bentongensis* di kompartmen 13, Hutan Simpan Kekal Lentang telah dipilih untuk dijadikan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF). Berada pada ketinggian topografi dalam lingkungan ± 300 hingga 600 meter dari paras laut, kawasan seluas 30 ha telah diplotkan untuk memudahkan pemantauan dan penyelenggaraan serta penambahbaikan.

Penubuhan HCVF ini boleh dikelaskan di bawah HCVF no 1 iaitu kawasan hutan yang mempunyai nilai biodiversiti yang penting diperingkat global, serantau atau kebangsaan (dikenalpasti sebagai spesies Terancam (Endangered) oleh IUCN). Ciri-ciri utama spesies ini adalah rupa batangnya yang licin seakan batang Sepetir (*Sindora sp.*) sama seperti pada Meranti bumbong (*Shorea dealbata* Foxw), daun berbentuk lebar, petiol pendek. Merupakan pokok besar tidak berbanir, bentuk batang bulat dan tinggi, kulit lebih kurang licin dan terdapat rekahan halus memanjang batang, serta beberapa gelangan melingkari batang. Mempunyai damar putih pada tempat luka, serta batang bertompok kelabu gelap.